

30 JUL 1997

Sabbaruddin-Umno

MESYUARAT MT UMNO MINGGU DEPAN DIJANKA BINCANG ISU TOPIKAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 8 Ogos dijangka membincangkann isu-isu topikal negara dan mendengar pengalaman dan pemikiran Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa percutiannya selama dua bulan di luar negara.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik yang menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan Gold Pan Pacific Mastercard di sini hari ini, bagaimanapun tidak pula menyebut isu-isu topikal yang dijangka akan bincangkan itu.

Sejak Dr Mahathir pulang dari percutiannya minggu lepas, Perdana Menteri berulang kali mendedahkan peranan seorang tokoh kewangan Amerika George Soros yang "menyerang" pasaran wang di rantau ini dengan membuat spekulasi sehingga menjadikan nilai beberapa mata wang termasuk ringgit Malaysia susut.

Beliau juga mahukan supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengkaji semula takrif hak asasi manusia.

Semasa Perdana Menteri berada di luar negara, Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan mesyuarat bulanan MT.

Mesyuarat minggu depan itu juga akan membincangkan persiapan untuk perhimpunan agung Umno yang dijangka diadakan pada September.

Apabila ditanya mengenai kurangnya penggunaan Bahasa Malaysia oleh sektor perhotelan di negara ini, Sabbaruddin berkata beliau sedar perkara itu berlaku terutama di hotel-hotel bertaraf antrabangsa.

"Hotel-hotel ini mengendalikan ramai pelancong asing dan sudah tentu bahasa asing terutama Inggeris menjadi keutamaan mereka," katanya.

Jawatankuasa Penggunaan Bahasa Malaysia Sektor Swasta Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru menyatakan bahawa sektor perhotelan merupakan sektor yang terendah peratus penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan harian mereka.

-- BERNAMA

SJA NMO